



## KEMENTERIAN KERJA RAYA

### KENYATAAN MEDIA

---

#### MAJLIS PERASMIAN PROJEK PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR, LEBUHRAYA UTARA SELATAN

**BUKIT GAMBIR, JOHOR – 25 Januari 2014:-** Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia hari ini telah merasmikan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Projek ini telah dimulakan pada Ogos 2010 dan telah siap dalam tempoh 38 bulan dengan kos pembinaan sebanyak RM108 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak PLUS Berhad dan kos pengambilan tanah sebanyak RM7 juta pula dibiayai oleh Kerajaan.

Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir ini terletak di antara Persimpangan Bertingkat Tangkak dan Persimpangan Bertingkat Pagoh iaitu di KM157.1, Lebuhraya Utara Selatan. Jarak antara Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir ini dengan Persimpangan Bertingkat Tangkak adalah 12.1 kilometer manakala dari Persimpangan Bertingkat Pagoh pula adalah 14.8 kilometer. Pembinaan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir ini merupakan obligasi syarikat konsesi selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian Konsesi.

Rekabentuk Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir adalah jenis '*trumpet*' dan dibina bagi menyediakan laluan keluar masuk ke Lebuhraya PLUS. Skop pembinaan persimpangan ini juga turut merangkumi pembinaan jalan susur sepanjang 1.7 kilometer dari persimpangan ini ke Jalan Negeri Bukit Gambir - Muar (J33), serta

pembinaan plaza tol yang menyediakan kemudahan surau, tandas, wakaf dan tempat letak kenderaan.

Sebelum pembukaan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir, pengguna yang ingin menuju ke destinasi Bukit Gambir dari Lebuhraya PLUS akan menggunakan Persimpangan Bertingkat Tangkak atau Persimpangan Bertingkat Pagoh. Masa perjalanan adalah dianggarkan 30 minit bagi jarak perjalanan 25 kilometer.

Dengan pembukaan persimpangan bertingkat ini, pengguna yang hendak ke Pekan Bukit Gambir dari Lebuhraya PLUS hanya perlu melalui jarak sejauh 5 kilometer berbanding menggunakan Persimpangan Bertingkat Tangkak atau Persimpangan Bertingkat Pagoh. Masa perjalanan adalah dianggarkan kurang 10 minit.

Pembukaan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir ini dilihat akan dapat membantu menyuraikan trafik dan mengurangkan kesesakan di Plaza Tol Tangkak dan Plaza Tol Pagoh sedia ada yang sering berlaku kesesakan terutamanya pada waktu cuti perayaan dan cuti umum.

Pengguna dari arah Kuala Lumpur yang ingin ke Bandar Muar atau pekan Sungai Mati boleh menggunakan persimpangan bertingkat ini dengan jarak yang lebih dekat serta mengurangkan tempoh perjalanan lebih kurang 30 minit berbanding menggunakan Persimpangan Bertingkat Tangkak sedia ada.

Dalam pada itu, Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir juga dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi di kawasan Bukit Gambir yang mempunyai jumlah penduduk sekitar 25,000 orang. Begitu juga dengan pembinaan kawasan Bandar Universiti (Hub Pendidikan) di kawasan Pagoh yang mana akan meningkatkan lagi kawasan pembangunan di persekitaran Daerah Ledang dan Pagoh.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA  
25 JANUARI 2013  
10.00 PAGI**